

## **JANGAN PANDANG REMEH TERHADAP KEPENTINGAN VAKSIN**

Oleh: Izzat Izzulfikar Adha bin Abdullah, 1171271

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 15 April 2020*



Vaksin yang dihasilkan melalui proses biologi mengandungi antigen yang diperolehi dari sebahagian atau keseluruhan komponen virus atau bakteria yang telah dimatikan atau dilemahkan.

Fungsi antigen dalam vaksin adalah untuk merangsang sistem imuniti yang menjadikan tubuh manusia mempunyai daya tahan bagi melawan jangkitan penyakit tertentu.

Pengambilan vaksin dipercayai dapat mengurangkan kadar kematian penduduk dunia terutamanya di negara-negara yang menitikberatkan tentang penggunaannya.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2018, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah merekodkan lebih separuh kes kematian yang direkodkan tidak mempunyai imunisasi. Enam kes adalah kematian demam campak di mana kesemuanya tiada imunisasi.

Lima kematian melibatkan penyakit difteria dan daripada jumlah itu, empat kes tiada imunisasi.

Manakala 22 kematian akibat batuk kokol direkodkan di mana 19 kes tiada imunisasi.

Ini menunjukkan bahawa pengambilan vaksin selepas dilahirkan adalah amat penting bagi mengurangkan kematian. Kes-kes kematian yang dicatatkan itu turut menggambarkan sikap segelintir anggota masyarakat yang masih tidak memandang serius terhadap kepentingan vaksin..

Sebanyak 154 kes penolakan vaksin direkodkan di Selangor pada tahun 2018 berbanding 140 kes tahun sebelumnya. Sepanjang tahun 2013 hingga 2016, Selangor mencatatkan sebanyak 461 kes penolakan vaksin.

Di seluruh negara, sebanyak 1,603 kes penolakan vaksin direkodkan di klinik-klinik kerajaan pada tahun 2016. Namun, jumlah itu berkurangan kepada 1,404 kes pada tahun berikutnya.

Malangnya, sejak beberapa tahun lalu, kadar penyakit cegahan vaksin meningkat secara drastik di Malaysia dengan menyaksikan ia melonjak kepada 891.8 peratus atau kenaikan dari 195 kes pada 2013 ke 1,934 kes pada 2017.

Sikap segelintir anggota masyarakat yang memandang remeh terhadap pengambilan vaksin boleh mengundang bencana. Mereka beranggapan bahawa vaksin mengandungi bahan-bahan haram dan membahayakan kesihatan seperti asid deoksibonukleik (DNA) khinzir atau bahan kimia.

Dari sudut pandangan syarak pula, imunisasi merupakan salah satu kaedah pencegahan penyakit yang amat dituntut dalam Islam dan bersesuaian dengan kaedah usul fiqh. Tubuh yang sihat adalah penting agar kehidupan kita dapat memberi manfaat kepada ummah.

Pensyarah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Sohana Abdul Hamid dalam *Journal of Social Sciences and Humanities* menjelaskan bahawa Islam memang pada dasarnya menegah penggunaan ubat dari sumber yang haram untuk mengubati sesuatu penyakit.

Namun, jika terbukti keberkesanannya, adalah harus untuk kita gunakan ubat tersebut dalam bidang perubatan bagi mencegah penyakit.

Sekiranya masih ada sejumlah kecil anggota masyarakat bersikap antivaksin, dikhuatiri kadar kematian akibat penyakit yang sepatutnya boleh dicegah akan meningkat di negara ini. Sia-sialah segala usaha yang diambil kerajaan untuk menghalang perkara ini daripada berlaku.

Sehubungan itu, kerajaan khususnya KKM perlu mengambil langkah proaktif dan tegas bagi memastikan semua rakyat mengambil vaksin. Mungkin pelaksanaan undang-undang sedia ada boleh diperketatkan dengan menguatkuasakan denda terhadap individu yang berdegil.

Golongan antivaksin pula perlu diberi penjelasan dan pendidikan tentang betapa pentingnya vaksin dalam usaha menjaga kesihatan awam di negara ini. Sikap degil mereka bukan sahaja membahayakan nyawa anak-anak sendiri malah boleh menyebabkan penyakit seperti polio dan batuk kering kembali menular.

